

BPKB (PMO) ATP/11/2017



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA**

**ARAHAN TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 11
(TAHUN 2017)**

**PELAKSANAAN PROGRAM
ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA
INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN**

1.0) OBJEKTIF

Dokumen ini bertujuan untuk menyampaikan rangka kerja baharu bagi pelaksanaan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda yang akan dilaksanakan untuk semua ILKBS.

2.0) TAKRIF

“**ILKBS**” bermaksud Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan yang terdiri daripada Institut Kemahiran Belia Negara dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara serta Akademi Kemahiran Belia Golf di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

“**BPKB**” bermaksud Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan.

3.0) LATAR BELAKANG

- 3.1. Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda - program bertaraf antarabangsa yang mengiktiraf remaja berumur 14 hingga 24 tahun dalam aktiviti yang menyumbang kepada pembentukan personaliti diri melalui 4 komponen aktiviti iaitu Khidmat Masyarakat, Kemahiran, Rekreasi Fizikal dan Penjelajahan Lasak.

- 3.2. Malaysia diiktiraf dan diberikan mandat sebagai ahli penuh kepada *The Duke of Edinburgh's International Award Foundation* pada 6 November 2000. Pada Oktober 2013, Malaysia telah menerima Conditional Licence.
- 3.3. Sejak tahun 2002 – 2016 seramai 178,412 remaja telah menyertai program ini dan daripada jumlah tersebut seramai 126,341 orang remaja telah diiktiraf dengan anugerah tahap Gangsa, Perak dan Emas.
- 3.4. Justeru itu, pada mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Transformasi IKBN 2014-2016 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Belia Dan Sukan pada 9 November 2016 telah bersetuju agar Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia mengadakan transformasi bina insan di dalam memastikan program bina insan di ILKBS dapat memberi impak terhadap kualiti graduan ILKBS.

4.0) OBJEKTIF PROGRAM ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA INI ADALAH :

- 4.1 Menyediakan diri remaja menghadapi cabaran ke arah kematangan diri dan penyerlahan potensi.
- 4.2 Membentuk pembangunan remaja secara holistik melalui penyertaan dan pengiktirafan dalam aktiviti seimbang di bawah 4 komponen aktiviti iaitu Khidmat Masyarakat, Kemahiran, Rekreasi Fizikal dan Penjelajahan Lasak.

- 4.3 Memupuk semangat kesukarelaan serta mengiktiraf sumbangan remaja dalam aktiviti kemasyarakatan.
- 4.4 Meningkatkan potensi kepimpinan remaja sebagai pemimpin elit muda.

5.0) KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA (ARPRM)




- 5.1 Badan Berkuasa Anugerah Kebangsaan iaitu Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, telah diberikan mandat oleh The Duke of Edinburgh's International Award Association pada 6 November 2000 untuk melaksanakan program ini di Malaysia.
- 5.2 Pelaksanaan aktiviti, pemantauan dan penilaian dijalankan oleh Badan Operasi (BO) yang terdiri daripada ILKBS, Jabatan Belia dan Sukan Negeri, Pejabat Belia dan Sukan Daerah, Sekolah Menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, Kolej Swasta, Agensi Kerajaan dan Swasta, NGO's yang diberikan kuasa oleh badan berkuasa nasional untuk melaksanakan program ini mengikut piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan. Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), KBS adalah pihak berkuasa peringkat nasional yang menyelaras pengiktirafan kebangsaan dan antarabangsa dengan pihak *The International Award for Young People* di United Kingdom.

6.0) PERATURAN PELAKSANAAN PROGRAM ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA (ARPRM)

Setiap ILKBS adalah perlu untuk merancang dan menjalankan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda:

- 6.1 Setiap ILKBS perlu memastikan melaksanakan pendaftaran sebagai Badan Operasi Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda. *(Rujuk kertas pelaksanaan ARPRM Peringkat ILKBS dilampiran).*
- 6.2 Melantik sekurang-kurangnya 5 orang pemimpin bagi Anugerah Remaja Perdana bagi setiap ILKBS.
- 6.3 Semua inisiatif tambahan di dalam menjayakan Program Anugerah Perdana Rakan Muda perlu dibentangkan semasa sesi Dialog Prestasi dan dimasukkan ke dalam Laporan Toolkit Penambahbaikan ILKBS (TPI) yang dihantar ke Unit Pengurusan Prestasi PMO, BPKB setiap hujung bulan.
- 6.4 Memastikan laporan penyertaan baru bagi setiap tahap emas, perak dan gangsa disediakan setiap 3 bulan sekali dan di hantar ke Cawangan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar, BPKB.

7.0) PRINSIP OPERASI ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA

Tahap Anugerah	Khidmat Masyarakat	Kemahiran	Rekreasi Fizikal	Tambahan	Penjelajahan Lasak
GANGSA 	3 bulan (15 jam)	3 bulan (15 jam)	3 bulan (15 jam)	Peserta perlu memilih salah 1 jenis komponen sama ada Khidmat Masyarakat, Kemahiran atau Rekreasi Fizikal untuk dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan lagi	2 hari + 1 malam
PERAK 	6 bulan (30 jam)	6 bulan (30 jam)	6 bulan (30 jam)	Bukan pemegang Gangsa perlu memilih salah 1 jenis komponen sama ada Khidmat Masyarakat, Kemahiran atau Rekreasi Fizikal untuk dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan lagi	3 hari + 2 malam
EMAS 	12 bulan (60 jam)	12 bulan (60 jam)	12 bulan (60 jam)	Bukan pemegang Perak perlu memilih salah 1 jenis komponen sama ada Khidmat Masyarakat, Kemahiran atau Rekreasi Fizikal untuk dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan lagi	4 hari + 3 malam

8.0) PENILAIAN PRESTASI PELAJAR DI BAWAH AKTIVITI KO KURIKULUM (ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA)

- 8.1 Setiap pelajar yang terlibat dalam Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda akan dinilai prestasi masing-masing menerusi **Kad Skor Penilaian Ko Kurikulum ILKBS (Anugerah Remaja Perdana)** pada setiap semester. *(Sila rujuk Lampiran)*
- 8.2 Skor pencapaian pelajar terbabit akan dipaparkan dalam **Slip Keputusan Ko Kurikulum ILKBS (Anugerah Remaja Perdana)** *(Sila rujuk Lampiran)*

9.0) TANGGUNGJAWAB PENGARAH ILKBS

Seperti mana tarikh kuat kuasa Arahan Tetap ini, Pengarah di setiap ILKBS adalah bertanggungjawab untuk memastikan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda dilaksanakan mengikut KPI yang telah ditetapkan dan dipatuhi dengan betul.

10.0) TARIKH KUAT KUASA

Peraturan baru ini berkuat kuasa mulai tarikh Arahan Tetap Ketua Pengarah ini dikeluarkan.

11.0) PEMAKAIAN

Peraturan ini akan diguna pakai di semua ILKBS.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DR. HAJAH WASITAH BINTI HJ MOHD YUSOF)

Ketua Pengarah

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia

Kementerian Belia dan Sukan

PUTRAJAYA

1 Mac 2017

LAMPIRAN

**KAD SKOR PENILAIAN KO-KURIKULUM IUKBS
(ANUGERAH REMAJA PERDANA)**

TAHAP ARP : GANGSA / PERAK / EMAS
KOMPONEN :

CONTOH

BIL	NAMA PELAJAR	JURUSAN	SEM	KEMAHIRAN KEMAMPUAN										JUMLAH SKOR	PURATA SKOR	PRESTASI												
				KEMAHIRAN SOSIAL (SOFT SKILLS)		KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN			KEMAHIRAN KEPIMPINAN				KEMAHIRAN KOMUNIKASI				KEMAHIRAN INTERPERSONAL				KEMAHIRAN MELAKSANAKAN TUGASAN							
				ELEMEN YANG DINILAI	SEMANGAT BERPASUKAN	MUAFKAT	KERJASAMA	KEBOLEHAN BERUNDING	RASIONAL	ADIL	KEBERANIAN	YAKIN DIRI	BERTANGGUNG JAWAB	JUJUR	MENDENGAR ARAHAN	PENYAMPAIAN BERKESAN	RASA HORMAT	BUDI BAHASA	RASA BERSYUKUR	KESEDERHANAAN	KETEKUNAN	BERDIKARI	KETELITIAN	SABAR	MENEPATI MASA			
1	MUHAMMAD AMIRUL ARIF BIN MD MAMOMI	PPU	1	1	2	3	4	3	4	2	4	2	3	3	3	2	4	3	3	3	2	3	2	4	3	62	3	B
2	MOHD KARIM ABU BIN AHMAD ALBAB	MKM	2	1	2	3	2	2	3	2	2	1	2	2	3	2	4	2	3	3	2	4	3	4	4	52	2	S
3				4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	4	84	4	C
4				1	1	1	2	1	1	1	2	1	1	2	1	1	2	2	2	2	2	1	2	2	2	31	1	L
5																										0	0	
6																										0	0	
7																										0	0	
8																										0	0	
9																										0	0	
10																										0	0	
11																										0	0	
12																										0	0	
13																										0	0	
14																										0	0	
15																										0	0	
16																										0	0	
17																										0	0	
18																										0	0	
19																										0	0	
20																										0	0	
21																										0	0	
22																										0	0	
23																										0	0	
24																										0	0	
25																										0	0	

Tandatangan : _____
 Nama Pegawai Penilai: _____
 Tarikh : _____

COP RASMI:



INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN
BELIA DAN SUKAN

KERTAS PELAKSANAAN ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA PERINGKAT ILKBS 2017

1. TUJUAN

Kertas Kerja ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan konsep pelaksanaan Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda kepada pegawai-pegawai Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) oleh Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, KBS

2. PENDAHULUAN

2.1 Mesyuarat Pengarah-Pengarah Bil.5/2016 bertarikh 20 Oktober 2016 telah memutuskan agar program bina insan di ILKBS dilihat semula dan diperkukuhkan lagi bagi melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai jati diri dan menjadi modal insan yang baik. Susulan dari keputusan mesyuarat tersebut, satu bengkel Transformasi Program Bina Insan di ILKBS telah diadakan pada 28-30 November 2016 di Port Dickson, Negeri Sembilan.

2.2 Sehubungan dengan itu, Program Anugerah Remaja Perdana (ARP) telah diputuskan untuk dilaksanakan di semua ILKBS sebagai aktiviti kokurikulum wajib dan semua ILKBS perlu menubuhkan Badan Operasi bagi menyelaras aktiviti ARPRM.

3. RASIONAL

3.1 Pembentukan bina insan yang cemerlang merupakan salah satu yang perlu seiring dengan kelayakan kepakaran dalam bidang kemahiran yang sangat diperlukan oleh pihak majikan. Justeru

itu pembentukan sahsiah pelajar ILKBS perlu diasaskan dari proses sosialisai dan interaksi, perpaduan dan integrasi nasional yang dibina semasa dalam kampus lagi.

- 3.2 Pemupukan minat, citarasa berasaskan fitrah keceriaan remaja dipupuk melalui Program ARPRM berpandukan piawaian pelaksanaan yang boleh diikuti secara progresif dan mengambilkira kemampuan individu.
- 3.3 Urusan penyeliaan bagi memastikan minat peserta akan berterusan dan dorongan dalam bentuk pengiktirafan ke atas pencapaian aktiviti yang akan diceburi akan menjadikan pelajar lebih berminat seterusnya hidup bermatlamat.
- 3.4 Penyertaan dalam aktiviti kokurikulum yang seragam dan diasaskan dari minat akan mendorong penyertaan yang lebih tulin dan menyumbang kepada pembinan semangat sukarela secara berterusan bukan sekadar di kampus.

4. TERAS PELAKSANAAN

- 4.1 Penyeragaman aktiviti kokurikulum di semua ILKBS adalah ditekankan supaya proses penilaian pelajar dapat dilaksanakan secara *standard*.
- 4.2 Penyertaan pelajar dalam aktiviti ARPRM digalakkan diluar waktu pembelajaran dalam kampus dengan seliaan pemimpin / penyelia atau mentor dalam masa lapang.
- 4.3 Tenaga pengajar atau kakitangan ILKBS yang terlibat sebagai pemimpin/penyelia atau mentor bagi aktiviti ARPRM boleh mendapat nilai tambah dalam memainkan peranan dengan memastikan elemen komitmen, disiplin, bertanggungjawab dan memberi motivasi kepada pelajar. Pengiktirafan kepada mereka boleh diberi oleh pihak pengurusan ILKBS atas sumbangan ini.

5. PELAN TINDAKAN

5.1 Penubuhan Badan Operasi ARPRM di setiap ILKBS akan memainkan peranan utama dalam merencana aktiviti ARPRM di ILKBS. Badan Operasi adalah penyelaras dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengendalikan program ARPRM. Tugas Badan Operasi adalah bagi memenuhi objektif berikut :

5.1.1 sebagai '*focal point*' untuk pelajar merujuk aktiviti yang akan diikuti mengikut minat dan kecenderungan pelajar.

5.1.2 Mengenalpasti keperluan penganjuran latihan kepada bakal pemimpin/penyelia dan mentor serta tempat penyaluran input dari BPKB dan badan pihak berkuasa anugerah iaitu Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), KBS. Pihak JBSN adalah merupakan pelaksana peringkat nasional yang menyelaras pengiktirafan kebangsaan dan antarabangsa dengan pihak *The International Award for Young People* di United Kingdom.

5.1.3 Penyelaras di antara BPKB, KBS dengan pemimpin/penyelia atau mentor ARPRM di ILKBS mengenai bahan-bahan/logistic yang akan terlibat hasil dari penyertaan pelajar dalam aktiviti ARPRM.

5.1.4 Pendaftaran penyertaan para peserta ke dalam aktiviti ARPRM.

5.1.5 Pengeluaran / cetakan bahan-bahan pendaftaran, buku rekod, penilaian serta aktiviti-aktiviti sukarela dan pengiktirafan oleh KBS.

(Carta alir pelaksanaan program ARPRM dihgambarkan melalui **Lampiran A**. Tindakan-tindakan diperingkat Badan Operasi ARPRM ILKBS seperti di **Lampiran B**)

5.2 Penganjuran Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Badan Operasi ARPRM ILKBS kepada pegawai ILKBS, tenaga pengajar /

kakitangan ILKBS yang berpotensi menjadi pemimpin/penyelia/mentor. Modul kursus adalah **dilampiran C.**

5.2.1 Objektif Kursus ini adalah untuk mencapai perkara-perkara berikut :-

5.2.1.1 Memberi penerangan serta input yang terkini mengenai tugas serta peranan yang harus dimainkan oleh pemimpin/penyelia/mentor dan sukarelawan anugerah dalam pelaksanaan program ARP.

5.2.1.2 Meningkatkan tahap kecekapan pemimpin/penyelia/mentor dan sukarelawan dalam pengurusan program ARP.

5.2.1.3 Melahirkan pemimpin/penyelia/mentor dan sukarelawan yang berkarisma dan berfikiran strategik, cekap dalam pengurusan dan membuat keputusan.

5.2.1.4 Menyediakan peluang perkongsian praktis terbaik di tempat masing-masing bagi meningkatkan mutu pengurusan Program ARP di seluruh ILKBS.

5.2.1.5 Mengenalpasti cara-cara untuk mengatasi atau meminimakan masalah yang timbul dalam pelaksanaan program ARP.

5.3 Penyaluran kewangan oleh BPKB kepada ILKBS untuk mencetak bahan berikut :

a) Buku rekod peserta (**Lampiran D**)

5.4 Pembekalan bahan-bahan berikut oleh BPRM melalui BPKB kepada Badan Operasi ILKBS.

a) Handbook Pelaksanaan ARPRM

b) Sijil-sijil penyertaan ARPRM

c) Bahan pengiktirafan seperti medal dan "Button" antarabangsa bagi tujuan Majlis Anugerah yang diatur oleh

pihak ILKBS bagi mengiktiraf calon-calon ARPRM setelah melalui proses penilaian.

5.5 Pengiktirafan

5.5.1 BPKB akan memberi pengiktirafan setiap akhir tahun kepada Badan Operasi ILKBS yang berjaya mencapai sasaran tahunan jumlah penyertaan dalam program ARPRM ini.

5.6 Pelaksanaan program ARPRM di ILKBS

5.6.1 Prinsip pelaksanaan

Berasaskan piawaian, kod amalan dan prinsip-prinsip operasi yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Anugerah Antarabangsa untuk merealisasikan Deklarasi Antarabangsa, pelaksanaannya dipandu kepada faktor Umur Minima, Tempoh Masa Minima untuk penglibatan aktiviti (cabaran dan masa berbeza mengikut tahap Anugerah yang dipilih), Tahap Anugerah yang ditawarkan (Cth: gangsa, Perak, Emas), pematuhan kepada 4 komponen aktiviti dan elemen penyeliaan jurulatih/mentor ke atas aktiviti-aktiviti yang disertai oleh peserta **(LAMPIRAN E)**

a) Umur

14-25 tahun-pendaftaran hanya sah dan pengiraan mata di catat hanya setelah peserta memiliki paspot anugerah.

b) Tahap anugerah/ Tempoh masa

Gangsa (tidak kurang dari 6 bulan)

Perak (tidak kurang dari 12 bulan)

Emas (tidak kurang dari 18 bulan)

c) Komponen aktiviti

(maklumat terperinci di **LAMPIRAN F**)

i) Khidmat masyarakat

ii) Kemahiran

- iii) rekreasi fizikal
- iv) penjelajahan lasak
- d) Elemen penyeliaan / penilaian
Penilaian penglibatan peserta dibuat terus oleh fasilitator/penyelia/ yang bertindak sebagai penilai. Pemimpin/mentor menandatangani untuk pengesahan di dalam buku rekod peserta.

5.6.2 Prinsip-prinsip program ARPRM yang perlu diambil kira bagi pelaksanaan di ILKBS

- a) Sama sekali tidak digalakkan terlalu berorientasikan akademik. Ia menekankan kebolehan tahap individu yang fleksibel, berperingkat mengikut tahap pembangunan remaja.
- b) Program adalah terbuka untuk semua, dari yang kurang berupaya hinggalah yang mempunyai bakat semulajadi dan cemerlang.
- c) Peserta tahap tinggi digalakkan terlibat dengan peserta anugerah lain dan bertindak sebagai mentor (*Peer Group Educator*)
- d) Aktiviti Anugerah boleh mengambilkira aktiviti-aktiviti yang telah sedia ada di ILKBS dan meliputi aktiviti masa lapang yang dilakukan di luar ILKBS bagi tujuan memenuhi aktiviti yang seimbang. Apa yang lebih penting ialah mengekalkan penglibatan secara berterusan dalam memenuhi keperluan masa lapang remaja secara bijak dan produktif.
- e) Penglibatan aktiviti melalui Kelab-kelab yang sedia ada di ILKBS seperti Kelab Kebudayaan, Kelab Sukan dan Rekreasi, pasukan beruniform boleh diambil kira bagi tujuan penilaian ke arah Anugerah yang ingin dicapai. Aktiviti juga boleh melalui *cross skill* yang ingin dipelajari oleh peserta seperti pelajar jurusan

jahitan yang ingin mempelajari kemahiran selain dari bidang jahitan.

- f) Peserta digalakan memilih aktiviti-aktiviti yang digemari dan ingin dipelajari dan yang paling utama adalah menepati 4 komponen yang telah ditetapkan.

6. LANGKAH-LANGKAH YANG AKAN DIAMBIL OLEH BPKB

- 6.1 Memastikan hak penganjuran diperturunkan kepada ILKBS sebagai Badan Operasi yang berdaftar dengan BPRM, JBSN KBS. Pihak berkuasa anugerah iaitu Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), KBS. Pihak JBSN adalah merupakan pelaksana peringkat nasional yang menyelaraskan pengiktirafan kebangsaan dan antarabangsa dengan pihak *The International Award for Young People* di United Kingdom.
- 6.2 Menganjurkan kursus untuk melatih pemimpin, fasilitator, mentor dikalangan tenaga pengajar / kakitangan ILKBS yang mempunyai potensi bagi melaksanakan program ARPRM.
- 6.3 Memperuntukan kewangan bagi tujuan percetakan buku rekod peserta dan borang-borang bagi keperluan program ARPRM.
- 6.4 Membantu taklimat kepada pelajar ILKBS dan usaha-usaha mempromosikan program ARPRM di ILKBS.
- 6.5 Menganjurkan serta menyelaraskan aktiviti peringkat kebangsaan yang bersesuaian dengan aktiviti anugerah.
- 6.6 Menyelaraskan bersama JBSN, KBS perhubungan diantara ILKBS dan pertubuhan anugerah diperingkat antarabangsa.
- 6.7 Mewujudkan pangkalan data bagi peserta-peserta pingat pelbagai peringkat pencapaian

6.8 Menyelaras data dan rekod peserta ARPRM peringkat ILKBS

7. CADANGAN TINDAKAN KE ARAH PELAKSANAAN

Januari - Februari 2017 (Pemantapan Badan Operasi di ILKBS)

Mac - November 2017 (Permulaan aktiviti dan penyeliaan penilaian)

Disember 2017 (Majlis penganugerahan)


8. RUMUSAN

- 8.1 Pelaksanaan program ini penting bagi memastikan visi, misi dan matlamat penubuhan ILKBS melalui Transformasi IKBN dapat direalisasikan khususnya dalam pembangunan modal insan bagi melahirkan belia-belia yang berkemahiran separa mahir dan berkemahiran tinggi, berdisiplin tinggi dan mempunyai jati diri, keterampilan dalam kepimpinan yang unggul demi pembangunan agama, bangsa dan negara.
- 8.2 Melalui Program ARPRM ini pembangunan modal insan yang dirancang dan dilaksanakan dengan baik mampu melahirkan belia-belia yang berdisiplin tinggi, berdaya saing dan berdedikasi seiring dengan kehendak sektor awam dan industri.

Disediakan Oleh
Cawangan HEP, BPKB
9 Januari 2017

CARTA ALIR PELAKSANAAN AKTIVITI ARPRM DI ILKBS

LAMPIRAN A



FASILATOR/PENYELIA/MENTOR

PENGANJURAN AKTIVITI ARPRM

PENYELIAAN PENYERTAAN

PEREKODAN DAN PENILAIAN

MAJLIS PENGANUGERAHAN

Youth Personality
Matured, Disciplined, Responsible,
Knowledgeable, Professional, balanced

CAWANGAN HEP

KOMPONEN KHIDMAT MASYARAKAT
(Helping the needy, work with young people, Health Aid, Religious Teaching, Rural Development)

KOMPONEN KEMAHIRAN
(Collections, Computer, Languages, Arts and Crafts, performing Arts (drama/theatre), singing, dancing, music)

KOMPONEN REKREIASI FIZIKAL
(Water sport, Team Games, Courts Sports, Motor Sports, Field Sports)

KOMPONEN PENJELAJAHAN LASAK
(Walking/Hiking/Trekking, Sailing/Kayaking, Carving, Camping, Nature Expedition)

Citizenship
Moral/Ethical, Productive, Progressive, Caring,
Community Spirit, Volunteerism, Patriotism

FAEDAH-FAEDAH
(Giving Service, Voluntary spirit)

(Personal Vocation, Artistic Skill, ICT Skills, Cultural Appreciation)

(Performance, Improvement, Sporting Spirit, Physical Fitness)

(Meaningfulness, productive lifestyle, spirit of adventure, Positive Mind)

**TINDAKAN DI PERINGKAT BADAN OPERASI ILKBS BAGI MENGGERAKAN
PENYERTAAN PELAJAR DI ILKBS**

1. Pelajar mendaftar diri sebagai peserta ARPRM dan memiliki set permulaan (entrance pack) seperti lampiran
 - Buku Rekod Gangsa/Perak/Emas
2. Peserta membuat pilihan peringkat Anugerah yang disertai (14-25 tahun)
 - Gangsa dari umur 14 tahun
 - Perak dari umur 16 tahun
 - Emas dari umur 17 tahun
3. Peserta memilih aktiviti meliputi 4 komponen yang ditetapkan
 - Khidmat masyarakat
 - Kemahiran
 - Rekreasi Fizikal
 - Penjelajahan lasak
4. Peserta diberi taklimat terperinci dan dibekalkan maklumat yang lengkap
5. Memastikan peserta mempunyai mentor atau jurulatih yang akan menilai mereka. Dicadangkan di kalangan tenaga pengajar atau kakitangan yang mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam 4 komponen yang telah ditetapkan.
6. Mentor atau jurulatih harus memastikan peserta memberi komitmen dan dapat memenuhi keperluan aktiviti seperti disyaratkan. Peserta yang layak akan diberi pengiktirafan (medal, lencana dan sijil pengiktirafan pencapaian bagi Gangsa/Perak/Emas)
7. Program ARPRM adalah *flexible*
 - Peserta dibenarkan menangguhkan aktiviti jika tiada masa lapang (waktu peperiksaan, sakit dll)
 - Menyambung aktiviti program setelah tamat belajar, berpindah atau menyambung pelajaran di tempat lain.

**MODUL KURSUS PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN BADAN OPERASI
ARPRM ILKBS**

1. Konsep Falsafah dan Prinsip ARP
2. Kepimpinan Dalam ARP
3. *Mentoring Coaching and Fasilitation*
4. Peranan Badan Operasi
5. Perancangan Aktiviti
6. Strategi Pelaksanaan
7. Perekodan / Penilaian
8. Simulasi / LDK
9. Perkongsian *Practice* Terbaik



BUKU REKOD PESERTA BAGI TAHAP EMAS



BUKU REKOD PESERTA BAGI TAHAP PERAK



BUKU REKOD PESERTA BAGI TAHAP GANGSA